

TERMA DAN SYARAT KAD KREDIT AIRASIA - HONG LEONG

Dikemas Kini pada 22 Jun 2022

Terma dan syarat di bawah ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Perjanjian Pemegang Kad ("Perjanjian") Hong Leong Bank ("HLB"). Dengan mengambil kira perubahan-perubahan seperti tertera di bawah ini, semua terma dan syarat Perjanjian hendaklah diterima pakai. Sekiranya terdapat percanggahan antara terma dan syarat Perjanjian dengan Terma dan Syarat Kad Kredit AirAsia – Hong Leong di dalam ini ("T&S Kad"), maka T&S Kad hendaklah diutamakan setakat berkenaan Kad.

1. Takrif

- (a) "**Kad**" bermaksud Kad Kredit AirAsia – Hong Leong yang dikeluarkan oleh HLB (dengan jenama AirAsia) dan termasuk kad tambahan, jika berkenaan.
- (b) "**Akaun Kad**" bermaksud akaun Pemegang Kad Utama yang dibuka bagi Kad dengan HLB.
- (c) "**Pemegang Kad**" bermaksud individu yang namanya tertera pada Kad yang kepadanya Kad itu dikeluarkan oleh HLB.
- (d) "**Pemegang Kad Utama**" bermaksud Pemegang Kad utama yang kepadanya Kad itu dikeluarkan oleh HLB.
- (e) "**BIGLIFE**" bermaksud BIGLIFE Sdn Bhd (201001040731 (924656-U) pemunya dan pengendali Program AirAsia Rewards, sebuah subsidiari tak langsung AirAsia.
- (f) "**Program AirAsia Rewards**" bermaksud program penerbangan kerap yang dipunyai dan dikendalikan oleh BIGLIFE. Program AirAsia Rewards dahulunya dikenali dengan nama "Program BIG Loyalty".
- (g) "**Akaun Keahlian AirAsia**" bermaksud akaun keahlian AirAsia Rewards yang kepada akaun ini AirAsia Points diberi dan dikumpulkan kepada Ahli AirAsia.
- (h) "**Ahli AirAsia**" bermaksud mana-mana orang yang diiktiraf oleh BIGLIFE atas budi bicaranya sebagai ahli Program AirAsia Rewards.
- (i) "**AirAsia Points**" bermaksud mata yang diberikan kepada Ahli AirAsia sebagai sebahagian manfaat Kad.
- (j) "**AirAsia**" bermaksud AirAsia Berhad (199301029930 (284669-W)).
- (k) "**Peniaga**" bermaksud individu, firma atau syarikat yang menjalankan perniagaan menjual dan menyediakan barang dan/atau perkhidmatan.
- (l) "**Ulang Tahun Kad**" bermaksud tarikh ulang tahun pengeluaran Kad.
- (m) "**Program**" bermaksud program Kad Kredit AirAsia - Hong Leong (suatu perkongsian jenama bersama antara HLB dengan AirAsia) dan termasuk apa-apa perubahan atau pindaannya yang dibuat oleh HLB dan AirAsia dari semasa ke semasa, atas budi bicaranya.
- (n) "**Transaksi Runcit**" atau "**Perbelanjaan Runcit**" bermaksud, bagi tujuan Program ini, pembelian apa-apa barang atau perkhidmatan di dalam negara atau luar negara yang telah dilakukan menggunakan atau dicaj kepada Kad tetapi tidak termasuk:
 - Pendahuluan Tunai;
 - Kuasi Tunai yakni transaksi berkaitan pertaruhan dan perjudian;
 - Transaksi berkaitan Kerajaan dan JomPAY;
 - Transaksi berkaitan pembayaran bil FPX;
 - Fi Tahunan;
 - Pindahan Baki;
 - Caj Bayaran Lewat;
 - Caj Yang Dipertikai;
 - Caji Melibatkan Penipuan;
 - Caj Kewangan;
 - Fi Penggantian Kad;
 - Caj Penghantaran;
 - Pembayaran Tunai;
 - Cukai Kerajaan (jika berkenaan); dan
 - Apa-apa fi, caj atau penalti lain yang ditanggung oleh Pemegang Kad.
- (o) "**RM**" atau "**Ringgit**" bermaksud Ringgit Malaysia.
- (p) "**Pemegang Kad Tambahan**" bermaksud orang yang kepadanya Kad Tambahan dikeluarkan oleh HLB selepas Pemegang Kad Utama membuat permohonan.

Melainkan konteks menghendaki maksud sebaliknya, maka perkataan dan ungkapan yang masing-masingnya ditakrif atau ditafsir dalam Perjanjian hendaklah mempunyai pengertian yang sama

apabila diguna atau dirujuk di dalam ini dan perkataan yang merujuk jantina lelaki hendaklah termasuk jantina wanita dan perkataan yang merujuk bilangan tunggal hendaklah termasuk bilangan jamak, dan begitu juga sebaliknya.

2. Program AirAsia Rewards ini disediakan untuk Pemegang Kad Utama dan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang berikut dan terma dan syarat dalam Perjanjian.

Pengumpulan AirAsia Points

3. Untuk layak mendapat AirAsia Points bagi Transaksi Runcit, Pemegang Kad Utama mestilah:
 - (a) Ahli AirAsia yang berdaftar di bawah Program AirAsia Rewards;
 - (b) mempunyai Akaun Keahlian AirAsia yang sah; dan
 - (c) Akaun Kad mestilah sah/aktif, berkedudukan baik, tidak berstatus delinkuen dan tidak melanggar mana-mana Terma dan Syarat Kad (termasuk terma dan syarat Program AirAsia Rewards) dan terma dan syarat Perjanjian.

Kelayakan akan dimansuhkan jika Pemegang Kad Utama telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau kasalahan berkaitan dengan Akaun Kad dan/atau kemudahan atau perkhidmatan lain yang disediakan oleh HLB.

4. Sekiranya Pemegang Kad Utama bukan seorang Ahli AirAsia yang berdaftar pada masa Kad dimohon, maka Pemegang Kad Utama dengan ini memberi kebenaran dan persetujuan untuk HLB mendedahkan maklumat peribadi Pemegang Kad Utama kepada AirAsia dan/atau BIGLIFE untuk memudahkan permohonan pendaftaran Pemegang Kad Utama dengan AirAsia dan BIGLIFE sebagai Ahli AirAsia. Maklumat peribadi yang boleh didedahkan oleh HLB adalah termasuk nama penuh, nombor kad pengenalan/nombor pasport, alamat, tarikh lahir, alamat e-mel, nombor telefon, kewarganegaraan dan jantina untuk memproses permohonan Pemegang Kad Utama untuk menjadi Ahli AirAsia.
5. Pengkreditan AirAsia Points kepada Akaun Keahlian AirAsia Pemegang Akaun Utama bagi Transaksi Runcit dan pengurusan ID Ahli AirAsia Pemegang Kad Utama dan pengurusan Akaun Keahlian AirAsia Pemegang Kad adalah dikendalikan oleh BIGLIFE dan tertakluk kepada terma dan syarat Program AirAsia Rewards, termasuk apa-apa terma dan syarat tambahan yang mungkin dikenakan oleh BIGLIFE dari semasa ke semasa. Terma dan syarat keahlian Program AirAsia Rewards boleh disemak di www.airasia.com atau dalam aplikasi mudah alih airasia Super App.
6. AirAsia Points yang diperoleh mulai 01 Jun 2019 akan kekal sah untuk tempoh dua puluh empat (24) bulan dari tarikh pengkreditan AirAsia Points ke dalam Akaun Keahlian AirAsia Pemegang Akaun Utama dan secara automatik akan luput apabila tamat tempoh bulan ke-24.

Selain itu, apa-apa AirAsia Points yang diperoleh dan/atau dikreditkan dalam Akaun Keahlian AirAsia Pemegang Kad Utama sebelum 31 Mei 2019 (termasuk 31 Mei 2019) akan kekal sah untuk tempoh tiga puluh enam (36) bulan dari tarikh pengkreditan AirAsia Points ke dalam Akaun Keahlian AirAsia Pemegang Kad Utama dan secara automatik akan luput apabila tamat tempoh bulan ke-36.

7. AirAsia Points diberikan kepada Pemegang Kad Utama yang layak berdasarkan catatan jumlah amaun Ringgit Transaksi Runcit yang dibuat dengan Kad dan dikumpulkan secara harian berdasarkan setiap transaksi dan digenapkan kepada AirAsia Points terhampir seperti berikut:

Kategori Perbelanjaan	Kad Kredit AirAsia Platinum	Kad Kredit AirAsia Gold
Transaksi Runcit AirAsia	RM 1 = 6 AirAsia Points	RM 1 = 6 AirAsia Points
Transaksi Runcit Dalam Negara	RM 3 = 1 AirAsia Point	RM 5 = 1 AirAsia Point
Transaksi Runcit Luar Negara	RM 2 = 1 AirAsia Point	RM 2 = 1 AirAsia Point

¹Transaksi Runcit AirAsia bermaksud Transaksi Runcit dengan Kod Kategori Peniaga (Merchant Category Code) ("MCC") 4511, yang nama peniaganya mengandungi kata kunci 'Air Asia' atau 'AirAsia'.

²Transaksi Runcit Dalam Negara bermaksud apa-apa Transaksi Runcit yang dibuat dalam Ringgit Malaysia, tanpa mengira lokasi tempat transaksi itu dilakukan.

³Transaksi Runcit Luar Negara bermaksud apa-apa Transaksi Runcit yang dibuat dalam mata wang asing, iaitu bukan mata wang Ringgit Malaysia, tanpa mengira lokasi tempat transaksi itu dilakukan.

8. Bagi mengelakkan keraguan, ansuran bulanan yang dicaj kepada Kad bagi Transaksi Runcit dengan Pelan Bayaran Lanjutan (Extended Payment Plan) ("EPP") juga akan layak menerima AirAsia Points.
9. Bonus AirAsia Points diberikan kepada Pemegang Kad Utama seperti berikut:

Bonus	Kad Kredit AirAsia Gold	Kad Kredit AirAsia Platinum
Bonus Alu-aluan	Tambahan 3,000 AirAsia Points akan diberikan dengan Perbelanjaan Runcit minimum RM1,500 (transaksi tercatat) dalam masa 60 hari dari tarikh kelulusan Kad utama.	Tambahan 5,000 AirAsia Points akan diberikan dengan Perbelanjaan Runcit minimum RM2,500 (transaksi tercatat) dalam masa 60 hari dari tarikh kelulusan Kad utama.
Bonus Suku Tahunan	Tambahan 3,000 AirAsia Points akan diberikan dengan Perbelanjaan Runcit minimum RM3,000 (transaksi tercatat) setiap Suku Tahun Kalendar*.	Tambahan 5,000 AirAsia Points akan diberikan dengan Perbelanjaan Runcit minimum RM5,000 (transaksi tercatat) setiap Suku Tahun Kalendar*.

*Takrif Suku Tahun Kalendar:

Suku Tahun 1: 1 Januari hingga dan termasuk 31 Mac

Suku Tahun 2: 1 April hingga dan termasuk 30 Jun

Suku Tahun 3: 1 Julai hingga dan termasuk 30 September

Suku Tahun 4: 1 Oktober hingga dan termasuk 31 Disember

10. Bonus Alu-aluan diberi kepada Pemegang Kad Utama Baru setelah memenuhi kriteria sebagaimana disebut di bawah Fasal 9 di atas, dihadkan setakat SATU (1) pemenuhan bagi setiap Pemegang Kad Utama, tanpa mengira bilangan permohonan dan Kad yang diluluskan. Bonus Alu-aluan akan dikreditkan ke dalam Akaun Keahlian AirAsia Pemegang Kad Utama pada tarikh penyata seterusnya dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh kelulusan Kad utama.
11. Bonus Suku Tahunan diberi kepada kedua-dua Pemegang Kad Utama dan Baru-kepada-Kad sedia ada setelah memenuhi kriteria sebagaimana disebut dalam Fasal 9 di atas, tanpa dihadkan jumlah Bonus Suku Tahunan yang diperoleh setiap tahun. Bonus Suku Tahunan akan dikreditkan ke dalam Akaun Keahlian AirAsia Pemegang Kad Utama pada akhir bulan kalender mengikut tarikh penyata Kad utama pada akhir setiap Suku Tahun Kalendar.
12. AirAsia Points yang diperoleh oleh Pemegang Kad Tambahan akan dikreditkan ke dalam Akaun Keahlian AirAsia Pemegang Kad Utama. Jumlah AirAsia Points yang diperoleh secara kolektif oleh Pemegang Kad Utama dan Pemegang-pemegang Kad Tambahan (secara kolektif dirujuk sebagai ("**Pemegang Kad**") akan dipaparkan dalam penyata akaun bulanan Pemegang Kad Utama bagi Kad berkenaan dan akan dikreditkan ke dalam Akaun Keahlian AirAsia Pemegang Kad Utama.
13. Bagi mengelakkan keraguan, sungguhpun AirAsia Points boleh diberi bagi Transaksi Runcit yang dibuat oleh Pemegang Kad Tambahan, namun AirAsia Points hanya akan dikreditkan ke dalam Akaun Keahlian AirAsia Pemegang Kad Utama dan hanya Pemegang Kad Utama sahaja layak membuat penebusan AirAsia Points.
14. HLB akan berusaha sedaya upaya untuk mengkreditkan AirAsia Points ke dalam Akaun Keahlian AirAsia Pemegang Kad Utama pada akhir bulan kalender mengikut tarikh penyata bagi Kad. Akan tetapi HLB mungkin mengubah tarikh dan kekerapan pengkreditan AirAsia Points atas budi bicaranya dengan memberi notis terlebih dahulu. Biarpun AirAsia Points yang diperoleh Pemegang Kad akan dipaparkan dalam penyata akaun bulanan Pemegang Kad Utama bagi Kad berkenaan, tetapi hanya AirAsia Points yang telah dikreditkan ke dalam Akaun Keahlian AirAsia Pemegang Kad Utama sahaja boleh ditebus. HLB, AirAsia dan BIGLIFE tidak akan bertanggungjawab atas

sebarang kelewatan dan/atau peninggalan dalam memproses dan mengkredit AirAsia Points ke dalam Akaun Keahlian AirAsia Pemegang Kad Utama kerana kelewatan dan/atau peninggalan tersebut bukan disebabkan kesilapan mana-mana pihak berkenaan.

15. AirAsia Points yang dikreditkan ke dalam Akaun Keahlian AirAsia Pemegang Kad Utama hanya boleh digunakan untuk tujuan penebusan di bawah Program AirAsia Rewards tertakluk kepada terma dan syarat yang ditentukan oleh BIGLIFE dari semasa ke semasa. Untuk menebus AirAsia Points kepunyaannya untuk penerbangan AirAsia, Pemegang Kad Utama mestilah melayari akaun keahlian AirAsia Rewards miliknya di www.airasia.com atau aplikasi mudah alih airasia Super App.
16. AirAsia Points yang diperoleh itu tidak mempunyai nilai tunai atau wang. Melainkan dinyatakan sebaliknya, AirAsia Points yang diperoleh tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana orang lain atau pihak atau entiti ketiga, begitu juga tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau kredit. Bagi mengelakkan keraguan, AirAsia Points daripada Akaun Kad yang telah loput atau ditutup tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana Akaun Kad yang sedia ada atau sah.
17. HLB mempunyai hak dan budi bicara pada bila-bila masa dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad dan tanpa tanggungan bagi Pemegang Kad untuk menggantung bagi tempoh masa yang tak pasti, membatalkan dan/atau menamatkan atau mengubah Program. Tanpa menghadkan keluasan peruntukan-peruntukan sebelum ini HLB, AirAsia dan BIGLIFE tidak akan bertanggungjawab terhadap Pemegang Kad atas penggantungan, pembatalan atau penamatan Program atau sebarang manfaat yang tersedia di bawahnya sekiranya berlaku penarikan balik atau pemansuhan mana-mana manfaat atau tawaran yang dibuat di bawah Program ini, termasuk sebarang pembatalan, penggantungan, penarikan balik dan/atau pengubahan yang merugikan Pemegang Kad.
18. Pemegang Kad Utama hendaklah menghubungi BIGLIFE dan berurus secara terus dengan BIGLIFE berkenaan penebusan AirAsia Points atau apa-apa kemosykilan atau pertikaian berkait dengan Akaun Keahlian AirAsia Pemegang Kad Utama dengan BIGLIFE. HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap Pemegang Kad Utama atas apa-apa tindakan atau peninggalan yang dilakukan oleh AirAsia dan/atau BIGLIFE bersabit dengan Program AirAsia Rewards, termasuk tetapi tidak terhad kepada penebusan AirAsia Points oleh Pemegang Kad Utama dan sebarang isu yang berkaitan dengan penebusan AirAsia Points hendaklah diselesaikan antara Pemegang Kad Utama dan AirAsia dan/atau BIGLIFE tanpa melalui HLB
19. Jika Kad Pemegang Kad Utama dibatalkan atau ditamatkan oleh sama ada Pemegang Kad Utama atau HLB, Pemegang Kad Utama tidak akan layak menerima AirAsia Points yang diperoleh bagi Transaksi Runcit yang dilakukan dengan Kad yang belum dikreditkan ke dalam Akaun Keahlian AirAsia Pemegang Kad Utama, biarpun AirAsia Points yang diperoleh itu mungkin telah dicatatkan dalam penyata akaun bagi Kad Pemegang Kad Utama. Apa-apa AirAsia Points tersebut yang diperoleh akan secara automatik dibatalkan dan/atau dilucutahkan apabila berlaku pembatalan/penamatan Kad. Jika Kad Pemegang Kad digantung sementara, AirAsia Points yang diperoleh bagi Transaksi Runcit yang dilakukan dengan Kad yang belum dikreditkan ke dalam Akaun Keahlian AirAsia Pemegang Kad Utama tidak akan dikreditkan ke dalam Akaun Keahlian AirAsia Pemegang Kad Utama tetapi akan terus terkumpul ("**AirAsia Points Terkumpul**"). AirAsia Points Terkumpul tersebut hanya akan dikreditkan ke dalam Akaun Keahlian AirAsia Pemegang Kad Utama apabila penggantungan itu ditarik balik. Sekiranya penggantungan itu tidak ditarik balik dan Kad itu dibatalkan atau ditamatkan, maka AirAsia Points Terkumpul tersebut akan dilucutahkan dan Pemegang Kad tidak akan mendapat bantuan daripada HLB, AirAsia atau BIGLIFE berkenaan AirAsia Points Terkumpul yang telah dilucutahkan.
20. Sekiranya sebarang Transaksi Runcit perlu membalikkan atau dibatalkan pada Kad, HLB, dengan notis kepada Pemegang Kad Utama mempunyai hak untuk mendebit Akaun Kad Pemegang Kad Utama bagi AirAsia Points yang diperoleh daripada Transaksi Runcit yang perlu membalikkan atau dibatalkan itu berdasarkan kadar penukaran (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausu 7 di atas) pada masa Transaksi Runcit tersebut, jika AirAsia Points yang diperoleh daripada Transaksi Runcit tersebut telahpun ditebus oleh Pemegang Kad Utama. Jika AirAsia Points yang diperoleh daripada Transaksi Runcit tersebut belum ditebus oleh Pemegang Kad Utama, AirAsia Points yang diperoleh daripada Transaksi Runcit tersebut hendaklah diimbangi dengan AirAsia Points yang diperoleh

dari Transaksi Runcit berikutnya, yang akan ditunjukkan dalam penyata akaun bulanan untuk Kad berikut bagi sebarang pembalikan atau pembatalan.

21. Transaksi Runcit yang dilakukan pada Kad dan penukarannya kepada AirAsia Points akan dipaparkan dalam penyata akaun bulanan bagi Kad yang dikeluarkan oleh HLB kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad dengan ini berwaad dan beraku janji dengan HLB bahawa Pemegang Kad wajib melaporkan kepada HLB secara bersurat dan dalam tempoh masa sebagaimana ditetapkan oleh HLB dalam Perjanjian tentang sebarang ralat, percanggahan atau ketidaktepatan apa jua pun yang dipaparkan dalam penyata akaun bulanan bagi Kad, terutamanya berkenaan Transaksi Runcit berkait dengan AirAsia Points yang diperoleh. Sekiranya Pemegang Kad tidak, dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam Perjanjian, memberitahu HLB secara bersurat tentang sebarang ralat, percanggahan atau ketidaktepatan tersebut, maka Pemegang Kad akan dianggap telah setuju terima catatan butiran di dalamnya sebagai betul, muktamad dan konklusif. Penyata tersebut akan dianggap sebagai mengikat terhadap Pemegang Kad dan selepas itu Pemegang Kad dihalang daripada membuat apa-apa tuntutan terhadap HLB dengan mengatakan penyata tersebut mengandungi ralat, percanggahan atau ketidaktepatan.

Status Penerbangan Kerap – Program AirAsia Rewards

22. Pemegang Kad Utama kad AirAsia Platinum (“**AirAsia Platinum**”) secara automatik akan layak mendapat status Keahlian AirAsia Platinum dalam Program AirAsia Rewards bagi tahun pertama sahaja.
23. Untuk mengekalkan Status Keahlian AirAsia Platinum bagi tahun ke-2 dan seterusnya, Pemegang Kad Utama AirAsia Platinum **MESTI** :
- (a) memenuhi syarat perbelanjaan tahunan minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000); atau
 - (b) mencapai sektor-sektor penerbangan yang layak yang diperlukan menurut terma dan syarat Keahlian Program AirAsia Rewards iaitu telah terbang dua puluh empat (24) hingga empat puluh sembilan (49) sektor penerbangan yang layak dengan AirAsia dan/atau ahli gabungannya dalam masa dua belas (12) bulan sebelumnya.

Pemegang Kad Utama AirAsia Platinum adalah layak menikmati manfaat Keahlian AirAsia Platinum di bawah Program AirAsia Rewards, yang boleh diubah dari semasa ke semasa dengan notis kepada Pemegang Kad.

Status keahlian Pemegang Kad di bawah Program AirAsia Rewards akan disemak untuk tujuan kelayakan semula bagi status Platinum berdasarkan peringkat status Freedom Flyer seperti yang dinyatakan di laman web Program AirAsia Rewards di www.airasia.com, pada bulan Ulang Tahun Kad.

MANFAAT DAN KEISTIMEWAAN AIRASIA

24. Daftar Masuk Keutamaan, Naik Pesawat Keutamaan dan Bagasi Xpress

- (a) Pemegang Kad Utama dengan Status Keahlian AirAsia Platinum mestilah log masuk sebagai Ahli AirAsia di www.airasia.com atau aplikasi mudah alih AirAsia untuk menempah penerbangan dan membeli tiket penerbangan menggunakan Kad untuk layak bagi Daftar Masuk Keutamaan, Naik Pesawat Keutamaan dan Bagasi Xpress di lokasi-lokasi pengoperasian AirAsia.
- (b) Daftar Masuk Keutamaan, Naik Pesawat Keutamaan dan Bagasi Xpress adalah bergantung kepada ketersediaan dan hanya tersedia di lapangan terbang yang terhad/terpilih sahaja.
 - (i) Naik Pesawat Keutamaan akan dibenarkan bagi setiap penerbangan tanpa mengira lokasi perlepasan melalui akses Naik Pesawat Zon 1 yang ada tercetak pada pas naik pesawat;
 - (ii) Daftar Masuk Keutamaan akan tersedia hanya di kaunter daftar masuk Premium Flex dan/atau Premium Flatbed di lapangan-lapangan terbang terpilih. Setakat tarikh kini, kaunter daftar masuk Premium Flex dan/atau Premium Flatbed tersedia di banyak lokasi pengoperasian AirAsia dan pihak AirAsia berhak mengubahnya dari semasa ke semasa

dan pada bila-bila masa terutama apabila kaunter daftar masuk Premium Flex dan/atau Premium Flatbed dibuka di destinasi baharu atau jika yang sedia ada itu ditutup.

- (iii) Bagasi Xpress akan dibenarkan bagi Pemegang Kad Utama AirAsia Platinum menerusi tag penandaan keutamaan bagi bagasi sudah periksa dan perkhidmatan ini hanya tersedia di kaunter daftar masuk Premium Flex dan/atau Premium Flatbed yang hanya tersedia di lapangan-lapangan terbang terpilih sahaja. Pada tarikh kini, kaunter daftar masuk Premium Flex dan/atau Premium Flatbed tersedia di kebanyakan lokasi operasi AirAsia dan pihak AirAsia berhak mengubahnya dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa terutama apabila kaunter keutamaan dibuka di destinasi baharu atau jika yang sedia ada itu ditutup.

TERMA & SYARAT AM

25. T&S dalam dokumen ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
26. HLB berhak setelah memberi notis awal untuk mengubah (sama ada menambah, menggugurkan mengubahsuai, meminda atau sebaliknya) mana-mana terma dan syarat di dalam ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, mengubah dan/atau menarik balik Program ini ("**Pindaan**"). Pemberitahuan kepada Pemegang Kad berkenaan Pindaan hendaklah dilaksanakan menurut budi bicara HLB menerusi salah satu (1) cara komunikasi berikut:
- (a) melalui pos biasa kepada alamat Pemegang Kad terakhir diketahui;
 - (b) dengan menampal notis mengenai Pindaan di setiap cawangan HLB;
 - (c) melalui iklan darihal Pindaan dalam satu (1) surat khabar pilihan HLB;
 - (d) menerusi laman web HLB di www.hlb.com.my; atau
 - (e) dengan apa-apa cara lain pemberitahuan yang dipilih oleh Bank.

Pindaan itu akan dianggap mengikat ke atas diri Pemegang Kad bermula dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau bermula dari apa-apa tartikh lain sebagaimana ditetapkan oleh HLB dalam pemberitahuan itu. Pemegang Kad bersetuju tidak akan membuat sebarang tuntutan pampasan terhadap HLB berkenaan apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami Pemegang Kad akibat Pindaan itu.

27. Keputusan HLB atas segala hal berkaitan dengan Program, termasuk penentuan AirAsia Points adalah muktamad dan mengikat.
28. AirAsia dan BIGLIFE tidak akan menanggung apa jua tanggungjawab dan tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan, kerugian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian langsung, tak langsung dan berbangkit), tanggungan, kecederaan atau kekecewaan yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad bersabit dengan atau berbangkit daripada penggunaan atau perolehan sesuatu produk atau perkhidmatan yang didapati menerusi Program AirAsia Rewards atau berkenaan perolehan AirAsia Points. Keputusan AirAsia dan/atau BIGLIFE berkait dengan setiap aspek manfaat Program AirAsia Rewards akan dianggap muktamad dan konklusif dalam setiap keadaan dan tiada aduan atau ketidakpuasan hati daripada mana-mana Pemegang Kad akan dilayan.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.